

01 SEP 1996
LEAD Tanah runtuh
LAPORAN SIASATAN TRAGEDI POS DIPANG DIUMUM ESOK

KAMPAR, 1 Sept Bernama) -- Laporan siasatan pasukan penyelamat mengenai kejadian banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang Khamis lepas akan diumumkan oleh Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib esok.

Pegawai Daerah Mohd Yusop Yahya berkata Ramli akan mengumumkan laporan itu selepas sekali lagi melawat ke penempatan itu, dekat sini.

Beliau memberitahu perkara ini kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dengan pasukan penyiasat di bilik operasi gerakan mencari dan menyelamatkan di Pos Dipang, dekat sini.

Pasukan 26 anggota itu diketuai oleh ketua operasi polis Kinta, Insp Awang Mohtar menyusuri ke hulu Sungai Dipang ke arah Bukit Kinjang pada pukul 8.45 pagi.

Mereka kembali ke Pos Dipang pada pukul 2.30 tengah hari untuk menyediakan laporan bagi Ramli yang memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Sabah.

Yang turut menyertai pasukan penyiasat ialah Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA) di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mazlan Ahmad, dan ahli geologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Ibrahim Keno.

Sementara itu, pasukan penyelamat menjumpai lima mayat termasuk mayat seorang budak perempuan berusia 10 tahun, menjadikan angka kematian meningkat kepada 26 sementara 16 orang lagi masih hilang.

Mayat mangsa ke-25 iaitu seorang wanita berumur dalam lingkungan belasan tahun dijumpai pada pukul 4 petang tadi dimkawasan Taman Rekreasi, dekat kampung Sahom, kira-kira 3 km dari Pos Dipang.

Tetapi mayatnya cuma dapat dikeluarkan dari rimbunan kayu balak kira-kira pukul 8.45 malam.

Pasukan penyelamat juga mengenal pasti satu lagi mayat di sekitar kawasan Ulu Periah, kira-kira pukul 6.15 petang. Tetapi usaha mengeluarkan mayat tidak dapat dijalankan kerana ditindih oleh batang balak dan hari sudah malam.

ikhuatiri sesetengah mangsa mungkin terbenam dalam lumpur ataupun tertimbus di bawah batang-batang pokok yang tumbang dan batu-batu sungai akibat dilanda arus deras dari Sungai Dipang ketika tragedi itu berlaku.

Selain itu, arus sungai yang deras mungkin membawa mangsa-mangsa jauh dari tempat kejadian dan ini terbukti dengan terjumpanya mayat seorang wanita kira-kira 15 km dari tempat kejadian.

Berdasarkan laporan bilik gerakan mencari dan menyelamatkan di Pos Dipang, kebanyakan mangsa dijumpai 3 km dari tempat kejadian iaitu di Kampung Sahom berdekatan Lebu Raya Utara-Selatan.

Pasukan penyelamat mendapati kebanyakan mayat mangsa terbenam kira-kira 0.9-1.2 meter dalam lumpur, dan ada yang berada di bawah timbunan kayu balak dan batu sungai.

Tiga puluh enam Orang Asli dan enam anggota dari satu keluarga Cina dilaporkan hilang apabila banjir lumpur memusnahkan penempatan itu yang didiami oleh 100 keluarga Orang Asli.

Mayat seorang wanita Orang Asli, Wak Tarik a/p Bahoi, 28, dijumpai di Sungai Kinta dekat Kuala Kampar, Malim Nawar, oleh para nelayan kira-kira 15 km dari tempat kejadian sebelum tengah hari.

Mayatnya dituntut oleh anggota keluarganya untuk pengebumian.

Yang turut berada di Rumah Mayat Hospital kampar ialah Bah Dimi a/l Bah Asap, 34, untuk menuntut mayat anak perempuannya, Ronica, 10, yang dijumpai

dekat penempatan itu.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Kebangsaan melawat penempatan itu hari dan menyerahkan RM100,000 daripada Tabung Bencana Alam kepada Mohd Yusop untuk mangsa-mangsa tragedi. -- BERNAMA

TM FAZ